

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATUK DR SHAHRIN BIN  
SAHIB@SAHIBUDDIN**

**SEMPENA  
FESTIVAL UiTM PERFORM 2024  
PUSAT ASASI  
UiTM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL**

**TARIKH : 24 FEBRUARI 2024 (SABTU)  
TEMPAT: DEWAN KULIAH D1,  
MASA : 9.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Terima kasih Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis,**

**SALUTASI-** kemas kini berdasarkan kehadiran

**Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin**  
Pengarah Pusat Asasi UiTM

**Yang Berusaha Dr. Khaniza Hasliza Abdul Khalil**  
Timbalan Pengarah Akademik, Penyelidikan & Inovasi

**Yang Berusaha En. Mahadi Kamaluddin**  
Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar

**Yang Berusaha Ts. Dr. Norhafezah binti Kasmuri**  
Timbalan Pengarah  
Pembangunan dan Kelestarian

**Yang Berusaha Dr. Nurulhuda Adabiah Mustafa**  
Pengetua Kolej

Dekan-dekan Kolej Pengajian dan Fakulti  
Universiti Teknologi MARA

Barisan Pengurusan Kanan Pusat Asasi, Ketua-ketua  
Pusat Pengajian, Koordinator-koordinator Kursus, para  
Pensyarah, Pelajar seterusnya

Hadirin-hadirat yang dirahmati sekalian,

**Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan terhadap Illahi, kerana dengan limpah inayah dan rahmat-Nya dapat kita semua berkumpul di **Majlis Perasmian Penutupan Festival UiTM Perform 2024** pagi ini.
2. Pertamanya, syabas dan tahniah diucapkan kepada Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil dan seluruh ahli jawatankuasa kerja program pada hari ini serta kerabat kerja Festival UiTM Perform 2024 yang telah terlibat secara langsung, mahupun tidak langsung dalam menjayakan program-program yang direncanakan.

3. Dengan usaha dan komitmen yang tinggi dari tuan-tuan dan puan-puan semua, segala program yang telah dirancang selama tiga hari untuk kita menyemarakkan lagi semangat pelajar Asasi agar terus meletakkan UiTM di hati mereka, pastinya akan membuahkan hasil.
  
4. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM, Kolej-kolej Pengajian dan Fakulti-fakulti UiTM yang telah bertungkus-lumus turut serta berganding bahu menjayakan program Festival UiTM Perform 2024 ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Difahamkan, bahawa objektif utama festival ini adalah untuk membantu para pelajar merancang perjalanan kerjaya mereka kelak. Program ini juga dilihat mampu mendedahkan dan mempromosikan program-program ijazah yang terdapat di UiTM.

Secara tidak langsung, ia juga dapat membantu pihak fakulti di UiTM mengenal pasti calon-calon pelajar.

6. Sebagai sebuah universiti yang terbesar di Malaysia dari segi saiz, populasi dan juga sistemnya, UiTM menawarkan lebih 500 program secara kolektif. Melalui kepelbagaian program yang ditawarkan oleh kolej-kolej pengajian dan fakulti-fakulti, UiTM mampu membentuk graduan yang kreatif, berdaya saing, berketrampilan dan seimbang dari segi intelektual serta rohani sekaligus mampu melahirkan graduan yang memenuhi kriteria kebolehpasaran bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat global.

7. Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, para pelajar juga perlu memainkan peranan mereka. Pelajar pada masa ini, haruslah berfikiran kreatif dan kritis di dalam menangani krisis. Para pelajar seharusnya peka dengan keadaan semasa dan berfikir selaras dengan pembangunan dan perubahan yang semakin berkembang pesat dari masa ke

semasa. Kita harus mampu memenuhi kehendak pasaran, bergerak selaras dengan ekonomi digital serta mengadaptasi mengikut kehendak dunia terkini secara menyeluruh.

8. Akhirul kalam, sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur, Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (UPU), Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM (BPP), kolej-kolej pengajian dan fakulti-fakulti yang terlibat.

9. Diharapkan semua pelajar telah bersiap sedia menanam keazaman yang tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai impian masing-masing. Semoga dengan keazaman dan kecekalan yang tinggi, berbekalkan doa dan restu ayah bonda serta para pensyarah, para pelajar akan memperoleh kejayaan yang cemerlang satu hari nanti.

10. Sukacitanya, dengan lafaz  
***Bismilahirrahmaniirahim***, saya dengan ini  
merasmikan **Penutupan Festival UiTM Perform  
2024.**

**Sekian,**

**Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.**